

25/03/1998

Kepentingan Bumiputera terus dijaga

reports on "Dewan Rakyat" by Radzi Wahab; Bakhari Ariff
KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan tidak bercadang mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputera selepas menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kerajaan tetap akan menentukan bahawa kepentingan Bumiputera terus diperjuang dan dipertahankan.

"Langkah meneruskan program pengurangan kemiskinan, perkembangan industri kecil dan sederhana serta pendidikan yang banyak membabitkan Bumiputera, adalah bukti jelas mengenai komitmen kerajaan dalam hal ini.

"Sebagai kerajaan yang pragmatis, kita juga sedar dan peka kepada hakikat bahawa program bagi membantu Bumiputera sangat memerlukan perkembangan ekonomi yang pesat," katanya.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan perlu mengambil segala langkah bagi mempercepatkan perkembangan ekonomi walaupun ia boleh kelihatan sebagai merugikan Bumiputera dalam jangka pendek.

Ketika menjawab soalan Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) di Dewan Rakyat semalam, Perdana Menteri berkata perkara itu perlu dilihat dalam konteks jangka panjang yang manfaatnya akan diperolehi Bumiputera apabila perkembangan ekonomi menjadi lebih pesat.

Dr Mahathir juga menyatakan NEAC yang diwujudkan untuk membantu kerajaan menangani dan mengawasi masalah ekonomi negara, akan terus wujud sehingga ekonomi pulih sepenuhnya.

Katanya, buat masa ini ada perubahan positif dalam ekonomi negara dengan tanda-tanda ekonomi negara mula menjadi lebih kukuh dan stabil.

"Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur dan nilai tukaran asing ringgit bukan saja sudah menjadi lebih tinggi, tetapi juga tidak lagi turun naik sangat seperti keadaan pada akhir tahun lalu," katanya.

Mengenai pertanyaan sama ada kerajaan bercadang memotong gaji Menteri, Timbalan Menteri dan Setiusaha Parlimen sehingga 30 dan 50 peratus, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mempunyai rancangan berbuat demikian.

Selain itu, katanya, kerajaan juga tidak mempunyai kuasa untuk memotong gaji pegawai tinggi korporat kerana ia bergantung kepada pemilik syarikat masing-masing.

Potongan gaji Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen masih kekal 10 peratus seperti yang diumumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada Belanjawan 1998 lalu.

Ketika menjawab soalan lain, beliau juga menjelaskan kerajaan tidak memaksa orang ramai menyerahkan barang kemas untuk menyelamatkan ekonomi negara.

"Sebenarnya, tidak ada paksaan dalam usaha ini dan ia membabitkan penjualan, bukannya penyerahan percuma barang kemas kepada kerajaan.

"Mereka yang mengambil bahagian dalam hal ini bukanlah orang miskin kerana secara amnya mereka mempunyai barang kemas atau harta yang berharga tinggi," katanya.

(END)